



جباٽن بليا دان سوکن

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Laporan Tahunan Kebeliaan & Kesukanan 2020

JBS

ISI KANDUNGAN

1. Catatan Aktiviti-Aktiviti Kebeliaan dan Kesukanan
[Januari – Disember 2020]
2. Perbelanjaan Peruntukan Berulang-Ulang
[Tahun Kewangan 2019/2020 – April 2019 hingga Mac 2020]
3. Tunggakan dan Kutipan Hasil
[Januari – Disember 2020]

1 Catatan Aktiviti-Aktiviti Kebeliaan dan Kesukaran

[Januari – Disember 2020]

**CATATAN AKTIVITI KEBELIAAN DAN KESUKANAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN
(JANUARI – DISEMBER 2020)**

FEBRUARI 2020

1. PERLAWANAN AKHIR KEJOHANAN BOLA JARING ANTARA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM KE-26, 2019

Ahad, 2 Februari 2020 (Dewan Serbaguna, KSNHB)

✚ Hadir : Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh, Timbalan Menteri Pendidikan.

✚ Keterangan : Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-26 merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Pendidikan merangkul juara setelah menewaskan pasukan Kementerian Kesihatan dengan jaringan 31 -29. Manakala Jabatan Perdana Menteri mendapat tempat ketiga selepas berjaya mengalahkan pasukan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kesudahan jaringan 27 – 17.

✚ Penyertaan : 11 pasukan terdiri daripada Kumpulan ‘A’ iaitu Kementerian Pendidikan; Kementerian Pertahanan; Kementerian Pembangunan; Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Manakala Kumpulan ‘B’ terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; Kementerian Kesihatan; Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.



2. MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL JUBLI EMAS 50 TAHUN BANGUNAN PUSAT BELIA, BANDAR SERI BEGAWAN

Rabu, 5 Februari 2020 (Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan)

⊕ Hadir : Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

⊕ Keterangan : Festival Jubli Emas 50 Tahun Bangunan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan telah dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai mengimbas kembali ristaan sejarah 50 tahun pembukaan Pusat Belia pada 20 Disember 1969, di mana penubuhannya sebagai platform bagi belia untuk menjalankan aktiviti dan program kebeliaan sekali gus mengembangkan lagi potensi belia secara positif di negara ini.

Festival diadakan bermula pada 5 hingga 9 Februari 2020 dengan mengetengahkan pelbagai aktiviti yang telah disusun untuk disertai oleh pelbagai peringkat umur termasuk persempahan pentas dan pameran, jual-jualan, permainan tradisi, kursus serta bengkel kecantikan, demonstrasi masakan, sukan dan rekreasi, aktiviti kolam renang, sesi perbincangan, *Basic IT*, Kelas Bacaan Al-Quran serta aktiviti keusahawanan.

Dengan adanya festival ini, masyarakat khususnya para belia berpeluang untuk mengetahui secara dekat akan program-program yang ditawarkan dan memaksimumkan penggunaan kemudahan yang disediakan sebagai wadah perkumpulan belia di bangunan berkenaan.



3. JENESYS 2019 INBOUND PROGRAM STUDENTS CONFERENCE, TOKYO, JAPAN

Sabtu, 8 Februari 2020 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

❖ Hadir : Yang Mulia Dayang Mariam binti Ulat,
Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.

❖ Keterangan : Perwakilan belia telah bertolak ke Tokyo, Jepun bagi menyertai *JENESYS 2019 Inbound Program Students Conference* yang diadakan selama sepuluh hari bermula pada 9 hingga 18 Februari 2020.

Para peserta telah dibahagikan kepada lima kumpulan mengikut tema yang disediakan oleh pihak pengajur iaitu *Over Tourism and Sustainable Tourism Development, Foreign Workers, Quality Education, Food Loss and Awareness of Disaster Mitigation*. Mereka telah berpeluang untuk membuat lawatan ke Tokyo, Kyoto, Aichi, Osaka dan Miyagi dimana kumpulan-kumpulan tersebut telah mengikuti beberapa aktiviti seperti mengikuti bengkel dan mendengarkan taklimat mengenai tema yang telah ditetapkan, membuat kunjungan hormat kepada Kementerian Luar Negeri Jepun, membuat lawatan ke tempat-tempat seperti *Asakusa/Nakamise, Nijo Castle, Kawashima Selkon Textiles Co. Ltd., Edo-Tokyo Museum, Osaka Castle, The Entrepreneurial Museum of Challenge and Innovation, Zuiganji Temple, Kyoro Horikawa High School, Nagoya Castle, Toyota Commemorative Museum of Industry and Technology, Toyota Factory, Homi Danchi Housing Complex, Tokyo Tower* dan sebagainya.

❖ Penyertaan : Seramai 12 orang belia terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi dari beberapa Institusi Pengajian Tinggi.



4. PROGRAM BELIA CINTA TANAH AIR KALI KE-15, TAHUN 2020

16 – 23 Februari 2020

4(a). PROGRAM DAN AKTIVITI

- ⊕ Keterangan : Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) telah diperkenalkan pada tahun 2006 bersempena dengan Sambutan Hari Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan focus utamanya ke arah pembangunan belia yang mampan. PBCTA dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan dan Persatuan serta Pergerakan Belia.
- ⊕ Aktiviti : PBCTA telah dijalankan dalam beberapa aktiviti iaitu Menyertai Upacara Menaikkan Bendera Besar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, Eksplorasi Calak Brunei yang sebelum ini dikenali sebagai Perkampungan PBCTA, Menyertai Majlis Kesukuran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, dan Menyertai Perbarisan Lalu Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36.
- Pada tahun ini, turut menjadi sebahagian daripada PBCTA ialah 'Kembara 36' iaitu Perarakan Berjalan Kaki sepanjang 36 km pada 16 Februari 2020 yang lalu yang dikendalikan oleh Alumni PBCTA dengan turut dibantu oleh *Bebuloh Native Camp*, Persatuan Kereta Tahan Lasak Brunei, Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA) dan *Volunteer & First Aid Support Team Brunei*. Kembara yang bermula dan berakhir di Pusat Belia Bandar Seri Begawan telah melalui Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan Utama Berakas menuju ke Pusat Pembangunan Belia, dan beberapa jalan utama. Ianya telah mengambil masa lebih kurang 11 jam disertai seramai 50 orang terdiri daripada alumni PBCTA, persatuan-persatuan belia dan orang ramai.
- ⊕ Penyertaan : Seramai 42 orang belia dari keempat-empat daerah yang berumur diantara 18 hingga 30 tahun telah menyertai program berkenaan.



4(b). MAJLIS PENGHARGAAN PBCTA

Ahad, 23 Februari 2020 (Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan)

- ⊕ Hadir : Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- ⊕ Keterangan : Seramai 42 orang belia dari keempat-empat daerah telah menerima sijil penghargaan bagi penyertaan mereka dalam Program Belia Cinta Tanah Air Sempena Sambutan Ulangtahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-36 Tahun 2020.

Majlis turut memberikan sijil penghargaan kepada Peserta Lelaki Contoh, Muhd. Qutbul Islam bin Haji Suhaimi dan Dayang Hamizahtul Liyana binti Haji Hamdillah, Peserta Perempuan Contoh.



5. MAJLIS PENYAMPAIAN GANJARAN KEMENANGAN SKIM PENGGALAK KECEMERLANGAN SUKAN (SPKS) BAGI SUKAN SEA KE-30, FILIPINA

Iasnin, 17 Februari 2020 (Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah)

Berangkat ke Majlis Penyampaian Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) Bagi Sukan SEA Ke-30, Filipina berkenaan ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah.

Turut berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

❖ Keterangan : Seramai 36 orang atlet, 7 orang jurulatih, 2 orang penolong jurulatih dan 6 Persatuan Sukan Kebangsaan telah menerima Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS). Penerima-penerima ini merupakan atlet-atlet dari sukan Polo, Bola Jaring, Wushu, Boling Padang, Pencak Silat dan Karate yang telah berjaya dan meraih pingat di Sukan Asia Tenggara Ke-30 (Sukan SEA) pada 30 November hingga 11 Disember 2019 di Filipina.

Jumlah ganjaran kemenangan SPKS yang diterima bagi kejohanan Sukan SEA adalah sebanyak BND76,100.00.

Majlis seumpama ini diadakan adalah untuk memberikan galakkan kepada para atlet bagi mencapai satu-satu tahap kejayaan dalam menjalani latihan secara bersungguh-sungguh agar dapat mengekalkan atau mencapai prestasi yang lebih tinggi di sukan serantau dan antarabangsa disamping menyampaikan ganjaran berupa wang tunai kepada para atlet yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang sukan masing-masing di peringkat serantau dan antarabangsa.





6. WIRA FAJAR PROGRAM BELIA SEMBAHYANG FARDHU SUBUH BERJEMAAH DI MASJID BAGI TAHUN 1441H/2020M
Jumaat, 21 Februari 2020 (Masjid Kampung Lumapas)

- ❖ Hadir : Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- ❖ Keterangan : Program Wira Fajar dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah diimamkan oleh Yang Mulia Muhammad Hazmi bin Razab, Belia Masjid Kampung Lumapas, dan diikuti dengan Ceramah dan Tazkirah Subuh bertajuk ‘Untuk Mu Darussalam’ oleh Yang Mulia Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sallehuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid. Tajuk tazkirah pada kali ini mengambil sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 agar para belia turut berjiwa patriotik dan berjuang demi Negara Brunei Darussalam. Majlis diselajurkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Ahmad bin Haji Hasan, Imam Masjid Kampung Lumapas dan Sembahyang Dhuha. Majlis diakhiri dengan Sembahyang Sunat Hajat berjemaah bagi memohon kelancaran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 Tahun 2020 yang diimamkan oleh Yang Mulia Awang Haji Ahmad bin Haji Hasan, Imam Masjid Kampung Lumapas.
- ❖ Penyertaan : Seramai lebih 600 orang terdiri daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Lumapas; Pegawai-Pegawai Kerajaan; Persatuan-Persatuan Belia; Belia-Belia Masjid; belia-belia dari sektor kerajaan dan swasta; serta penduduk sekitar Kampong Lumapas.



MAC 2020

7. RIADAH BERBASIKAL SEMANGAT KEBANGSAAN 2020

Ahad, 1 Mac 2020 (Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat menyertai acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020 pada 1 Mac 2020.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda ‘Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqr Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

❖ Keterangan: Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020 dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama-sama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta penglibatan semua kementerian-kementerian yang lain serta Persekutuan Basikal Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 Tahun 2020.

Acara riadah berbasikal telah mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh 11.50 kilometer dan melintasi jalan-jalan utama antaranya Jalan Pretty, Jalan Elizabeth 2, Jalan Masjid Omar ‘Ali Saifuddien, Jalan Kianggeh, Jalan Sekolah, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan Gadong, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien.


Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja kemudian berkenan meyaksikan perbarisan lalu daripada seramai 36 orang pekayuh basikal dari keempat-empat daerah yang berjaya mengelilingi 36 kilometer dan diiringi dengan persembahan padang oleh Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Baginda berkenan menerima pesambahan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Baginda dan kerabat diraja turut menyaksikan secara lebih dekat lagi kemeriahian Bandarku Ceria di dalam Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien dengan pelbagai jenis aktiviti, pameran dan persembahan yang disediakan oleh 13 buah kementerian, Persatuan-Persatuan Belia dan Sukan Kebangsaan, Program Khidmat Bakti Negara, Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA 2019 Filipina dan juga agensi-agensi swasta seperti Permainan Interaktif Literasi Kewangan; *Bike Balancing Challenge*, *Workout Challenge* dan *Mini Obstacle Race*; Memperkenalkan aktiviti Aplikasi *Tyran Maton* yang merupakan aplikasi mengatasi kes buli; aktiviti *Cup Stacker*, *Goal Ball* dan *Flying Disc*; Program Pemeriksaan Kesihatan, Ketahui Usus Anda dan Pameran COVID-19; Aktiviti Bijak Jawi; Pameran *Food Safety* dan *Brunei GAP* (Industri Tanaman); Pameran dan Kuiz Biodiversiti dan Kepentingan Hutan; Pameran Poni Divers; Promosi Pertandingan Anugerah ICT Brunei dan Produk-Produk Inovatif ICT Tempatan sebagai komponen revolusi industri 4.0; Aktiviti *Safety Health Environment National Authority* (SHENA); permainan kikik; *Frisbee Showcase Game*; *Parkour Showcase*; aktiviti Seni Suara Burung; permainan *paintball* dan *archery*; dan sebagainya.

❖ Penyertaan: Lebih 2000 orang pekayuh basikal yang terdiri daripada orang ramai telah menyertai acara berbasikal tersebut.







8. MAJLIS KHATAM AL-QURAN 36 KALI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-36 TAHUN 2020
Rabu, 4 Mac 2020

8(a). Daerah Brunei dan Muara

- ❖ Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- ❖ Turut Hadir : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu dan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut dan Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- ❖ Tempat : Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak.
- ❖ Penyertaan : Lebih 1000 peserta lelaki dan perempuan terdiri daripada Persatuan-Persatuan dan Pergerakan-Pergerakan Belia; Pelatih Program Khidmat Bakti Negara; Mahasiswa dan Mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi; Penuntut-Penuntut daripada Institusi Pendidikan Teknik Brunei, Sekolah Menengah dan Sekolah Ugama; Kelab-Kelab Belia; Belia-Belia Masjid; Majlis Perundingan Kampung dan Mukim; Agensi-Agenzi Kerajaan dan Swasta serta belia-belia perseorangan.
- ❖ Program : Aturcara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh Tetamu Kehormat, diikuti dengan Bacaan Khatam Al-Quran mulai dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan diteruskan lagi dengan bacaan Takhtim Al-Quran diketuai oleh Mahasiswa-mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Doa Khatam dibacakan oleh Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2019, Awang Abdull Muin bin Haji Abdul Hamid, manakala Dikir Marhaban telah diketuai oleh pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Majlis diakhiri dengan Bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Selamatkan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak, Awang Zulhazmi bin Salleh, dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Zohor Berjemaah.



8(b). Daerah Belait

- Tetamu Kehormat : Yang Mulia Awang Haji Azhar bin Haji Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Tenaga.
- Tempat : Masjid Muhammad Jamalul Alam.
- Penyertaan : Seramai 240 peserta lelaki dan perempuan terdiri daripada Persatuan-Persatuan Belia; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid; Penuntut-Penuntut Sekolah Menengah; serta Pegawai dan Kakitangan Kerajaan.



8(c). Daerah Tutong

- Tetamu Kehormat : Yang Mulia Awang Haji Abdul Manap bin Othman, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan.
- Tempat : Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal.
- Penyertaan : Seramai 320 peserta lelaki dan perempuan terdiri daripada Persatuan-Persatuan Belia; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid; Pegawai dan Kakitangan Kerajaan; Penuntut-Penuntut Sekolah Menengah dan Pusat Tingkatan Enam.



8(d). Daerah Temburong

- Tetamu Kehormat : Yang Mulia Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Irwan bin Haji Hambali, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei.
- Tempat : Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.
- Penyertaan : Seramai 276 peserta lelaki dan perempuan terdiri daripada Persatuan-Persatuan Belia; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid; Belia Masjid; Muslimah Masjid; dan Penuntut-Penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan.



9. PERKHIDMATAN FOOD TRUCK DENGAN KAEDAH PERNIAGAAN SECARA PANDU LALU (DRIVE-THRU) SEPANJANG BULAN RAMADHAN TAHUN 2020

Jumaat, 1 Mei 2020 (Kawasan Letak Kereta Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- ❖ Hadir : Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- ❖ Keterangan : Perkhidmatan *Food Truck* telah dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk peniaga menjual pelbagai juadah berbuka puasa dengan konsep pandu lalu di Kawasan Letak Kereta Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan sekitarnya sepanjang bulan Ramadhan dengan mengamalkan penjarakan sosial dan mematuhi garis pandu yang telah disediakan oleh pihak kementerian.
- ❖ Penyertaan : Sebanyak 13 buah syarikat menyertainya termasuk Dapur Mega Mahligai, Par Food & Beverage Sdn Bhd @ Coffee Bean and Tea Leaf, Syarikat Izzatul Zahra, Casbah London Kebab, Take Away, Khal's Coffee dan beberapa buah syarikat lagi.



10. MAJLIS PENYAMPAIAN GANJARAN KEMENANGAN SKIM PENGGALAK KECEMERLANGAN SUKAN (SPKS)

Sabtu, 23 Mei 2020 (Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

❖ Hadir : Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

❖ Keterangan : Seramai 9 orang atlet, 2 orang jurulatih, 3 orang penolong jurulatih dan 2 Persatuan Sukan Kebangsaan telah menerima Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS). Penerima-penerima ini adalah atlet-atlet dari sukan wushu yang berjaya dan meraih pingat pada Kejohanan Wushu Remaja Asia Ke-10 (*10th Asian Junior Wushu Championship*) di Bandar Seri Begawan pada 16 hingga 24 Ogos 2019 dan Kejohanan World Master Art Mastership 2019 Ke-2 di ChungJu, Korea pada 27 Ogos 2019 serta atlet pencak silat yang berjaya meraih pingat pada Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN Ke-11, Tahun 2019 pada 17 hingga 25 Julai 2019.



OGOS 2020

11. SEMBAHYANG FARDHU MAGHRIB BERJEMAAH DAN MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KALI KE-15, 2020

Khamis, 06 Ogos 2020 (Masjid Ash-Shaliheen, Jabatan Perdana Menteri)

❖ Hadir : Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

❖ Keterangan : Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah dan Majlis Doa Kesyukuran telah diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-15 bagi tahun 2020. Kaedah '*whole of nation approach*' memberikan peluang kepada semua pihak sama ada kerajaan, swasta, NGOs, perusahaan sosial, pergerakan belia dan lain-lain berganding bahu dalam sama-sama menanai agenda pembangunan belia di negara ini agar golongan belia tampil dan berkepentingan sebagai aset negara seterusnya pemimpin di generasi akan datang.

❖ Penyertaan : Majlis turut disertai oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ash-Shaliheen; belia-belia dari Persatuan dan Pergerakan Belia; Belia-Belia Masjid; Kelab-Kelab Belia dan Alumni Program-Program Kebangsaan dan Antarabangsa bagi sama-sama memanjat doa dan tanda kesyukuran betapa beruntungnya belia di negara ini terus aman dan bebas bergerak dengan sokongan kerajaan secara berterusan.



12. MAJLIS DOA KESYUKURAN MENAIKTARAF PUSAT BELIA DAERAH TUTONG

Sabtu, 08 Ogos 2020 (Pusat Belia Daerah Tutong)

✉ Hadir : Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

✉ Keterangan : Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan sijil kepada para penaja dan seterusnya melancarkan Akademi IT (Kelas Komputer) dan penyerahan 'Buku Garis Panduan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE)' kepada empat orang Pengurus PKWE.

Dengan adanya buku berkenaan, adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran dan kewangan di setiap PKWE akan dilaksanakan dengan sistematik dan teratur.

Salah satu usaha pihak kerajaan untuk menghargai belia ialah dengan menyediakan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian dan mencukupi untuk digunakan, bukan semata-mata kerana kemudahan-kemudahan itu nampak elok dan moden, akan tetapi hasrat di sebaliknya untuk menyediakan satu landasan atau platform bagi para belia, khususnya para belia di Daerah Tutong untuk merebut peluang dan ruang untuk terus maju dan mencapai kecemerlangan dalam berbagai-bagai aspek yang mereka ceburi.

13. MAJLIS DOA KESYUKURAN BAGI PENAIKTARAFAN FASILITI PUSAT BELIA BANDAR SERI BEGAWAN DAN PELANCARAN PEJABAT MAJLIS BELIA BRUNEI

Khamis, 13 Ogos 2020 (Pusat Belia, Bandar Seri Begawan)

✉ Hadir : Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

✉ Keterangan : Penaiktarafan fasiliti dan kemudahan di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan merupakan salah sebuah projek Jabatan Belia dan Sukan dalam perancangan Penjenamaan Semula (*Rebranding*) Pusat Belia. Projek menaiktaraf infrastruktur mengikut peredaran semasa untuk terus menyokong pergerakan belia dalam sama-sama memajukan Negara Brunei Darussalam. Projek kali ini iaitu penaiktarafan Dewan Silaturahim, surau, bilik sindiket dan Pejabat Majlis Belia Brunei adalah kesinambungan daripada penaiktarafan Asrama Pusat Belia, Ruang Belia Kitani dan Shared Kitchen yang telah dibuka semula penggunaannya.

Antara lain tujuan penaiktarafan tersebut adalah untuk memberi rakan kepada orang ramai terutama pertubuhan-pertubuhan belia, persatuan, kelab dan alumni program-program belia serta untuk dijadikan ruang galeri pameran, tempat berforum, kegiatan keagamaan mahu pun majlis-majlis rasmi.

Majlis juga menyaksikan pelancaran Pejabat Majlis Belia Brunei yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, serta pelancaran Sistem Tempahan BOOKSys dan Program Memperkasa Keusahawanan Belia (YEEP) yang dikendalikan oleh MBB. BOOKSys boleh diakses melalui Laman Sesawang MBB di pautan '<https://majlis-belia-brunei.reservio.com>'.





SEPTEMBER 2020

14. MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN 1442H/2020M PERINGKAT SEPARUH AKHIR Jumaat, 18 September 2020 (Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

❖ Hadir :

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan,
Setiausaha Tetap KKBS;
Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah,
Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS; dan
Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said,
Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS.

❖ Keterangan :

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) merupakan salah satu projek tahunan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dikelolakan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS) sejak tahun 1980-an dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber serta seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Ianya juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau “tarannum”.

Seramai 30 peserta musabaqah memperdengarkan bacaan mereka pada peringkat separuh akhir.

Sesi pagi menyaksikan 20 peserta dengan bacaan masing-masing, manakala 10 peserta bertanding pada sesi petang. Pertandingan tersebut juga disiarkan secara langsung melalui akaun media sosial Facebook JBS.

Daripada jumlah tersebut, 21 peserta qari dan 9 peserta qariah bersaing untuk menempah tempat ke peringkat akhir.



15. WIRA FAJAR PROGRAM BELIA SEMBAHYANG FARDHU SUBUH BERJEMAAH DI MASJID BAGI TAHUN 1442H/2020M
Jumaat, 25 September 2020 (Masjid Ar-Rahim, Kampong Bukit Panggal, Tutong)

- ⊕ Hadir : Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
⊕ Keterangan : Wira Fajar Program Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah Di Masjid merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Belia-Belia Masjid.

Wira Fajar bertujuan untuk mendidik diri para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat terutama sekali dalam mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan di masjid-masjid. Wira Fajar kali ini adalah kali kedua dan ianya diadakan di daerah-daerah bagi memberi peluang belia di daerah berkenaan untuk menyertai Wira Fajar.

- ⊕ Aturcara : Program dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah, diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk "Ciri-Ciri Pendidikan Islam" oleh Yang Mulia Haji Khairulizam bin Haji Jefrey, Ketua Unit Penguatkuasaan Ugama Daerah Belait dan diselajurkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dan Sembahyang Dhuha.



OKTOBER 2020

16. PROGRAM PERTUKARAN BELIA BRUNEI-KOREA 2020 (BRUNEI DARUSSALAM AND REPUBLIC OF KOREA INTERGOVERNMENTAL YOUTH EXCHANGE PROGRAM 2020 (VIRTUAL))

31 Oktober 2020, 1 November 2020 dan 14 November 2020 (Pusat Belia, Bandar Seri Begawan)

- ❖ Keterangan : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan Korea Youth Work Agency (KYWA) mengadakan Program Pertukaran Belia Brunei-Korea 2020 secara *virtual* selama tiga hari bermula 31 Oktober 2020, 1 November 2020 dan 14 November 2020.

Tema Program Pertukaran Belia Brunei-Korea kali ini ialah *Far in Distance, Close at Heart*. Antara pengisian program merangkumi sesi suai kenal; pertukaran budaya; dialog berkumpulan mengikut topik yang diberikan iaitu Global Issues: *Our Daily Life After Covid-19*, Youth Trends: *Favourite Youtube Channel and Content and Cultural Diversity: Daily and Weekly Routine During Covid-19*; pembentangan topik dan sesi perkongsian.

Program ini merupakan program tahunan akan tetapi perbezaannya bagi tahun ini adalah ianya dilakukan secara alam maya (*virtual*). Para peserta diberi peluang untuk berbincang mengenai kesan COVID-19 ke atas kehidupan sehari-hari mereka. Tambahan pula, program ini adalah salah satu daripada beberapa program yang sedia ada yang akan meneroka secara maya (*virtual*) sebagai norma baru.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada peserta-peserta dari kedua buah negara untuk berkongsi pengalaman mereka, pembelajaran, dan cabaran pra, semasa dan pasca COVID-19 disamping meningkatkan lagi kerjasama di antara kedua buah negara serta mewujudkan satu platform bagi golongan muda di Republik Korea dan Negara Brunei Darussalam untuk mengambil bahagian dalam dialog tentang budaya masing-masing.

- ❖ Penyertaan : Seramai 30 peserta dari Negara Brunei Darussalam dan 10 peserta dari Republik Korea menyertai program pertukaran ini. Para peserta merupakan belia-belia yang terdiri daripada Persatuan-Persatuan Belia dan Institusi Pengajian Teknikal berumur diantara 16 hingga 19 tahun.



NOVEMBER 2020


17. MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PERINGKAT SARINGAN DAN PERINGKAT SEPARUH AKHIR MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN 1442H/2020M

Sabtu, 14 November 2020 (Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan)

⊕ Hadir : Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS.

⊕ Keterangan : Pihak pengajur menerima 77 permohonan namun hanya 58 peserta sahaja menghadirkan diri pada peringkat saringan dan seramai 19 pemohon menarik diri.

Timbalan Setiausaha Tetap telah menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta Musabaqah Peringkat Saringan dan Peringkat Separuh Akhir di majlis tersebut.



18. MAJLIS PENUTUP BRUNEI DARUSSALAM AND REPUBLIC OF KOREA INTERGOVERNMENTAL YOUTH EXCHANGE PROGRAM 2020 (VIRTUAL)

Sabtu, 14 November 2020 (Bilik VIP, Tingkat I, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- ❖ Hadir : Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS.
- ❖ Keterangan : Objektif program adalah untuk membangun generasi belia yang celik IT – *Digital Native* dan memperkuatkan hubungan yang sedia ada dengan Republik Korea serta memberikan peluang kepada para peserta untuk berkongsi idea dan pengetahuan mereka serta membina persahabatan di antara kedua buah negara.

Belia-belia kedua buah negara mempunyai peluang keemasan untuk berbincang bagaimana untuk terus melangkah ke hadapan dan bertukar-tukar pandangan mengenai cara terbaik untuk membuat amalan baru.

Program pertukaran yang dianjurkan secara *virtual* ini membolehkan para belia yang inovatif dan membuat *trend* sebagai digital asli untuk menggunakan media sosial sebagai platform yang berkesan untuk interaksi yang membina, membincangkan isu dan berkongsi pandangan.



19. WIRA FAJAR PROGRAM BELIA SEMBAHYANG FARDHU SUBUH BERJEMAAH DI MASJID BAGI TAHUN 1442H/2020M

Jumaat, 27 November 2020 (Masjid Kampong Sungai Teraban, Daerah Belait)

⊕ Hadir : Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

⊕ Keterangan : Wira Fajar Program Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah Di Masjid merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Belia-Belia Masjid. Kali ini Wira Fajar dikendalikan oleh *Minda Youth Movement*.

Wira Fajar kali ini merupakan penganjuran kali ketiga dan ianya diadakan di daerah-daerah bagi memberi peluang belia di daerah berkenaan untuk menyertai Wira Fajar.

⊕ Aturcara : Program dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah, diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk "Kesukarelawanan" oleh Yang Mulia Awang Muhammad Yadi bin Haji Mat Yassin. Antara pengisian tazkirah termasuk kepentingan sukarelawan dalam kehidupan bermasyarakat, sifat dan akhlak yang perlu ditanai dalam diri sukarelawan, peranan ugama dalam membina jati diri sukarelawan dan peranan sukarelawan dalam mendukung Wawasan Brunei 2035. Wira Fajar diselajurkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dan Sembahyang Dhuha. Majlis diakhiri dengan kempen kebersihan dalam masjid.



20. MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN 1442H/2020M PERINGKAT AKHIR

Khamis, 03 Disember 2020 (Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

❖ Hadir : Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

❖ Keterangan : Seramai 77 penyertaan dari keempat-empat daerah telah pun diterima pada kali ini. Manakala seramai 5 peserta qari (termasuk Johan Menunggu Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2019) dan 3 peserta qariah telah memperdengangkan bacaan masing-masing di peringkat akhir.

Qari, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dan Qariah, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri, masing-masing dinobatkan johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) 1442H/2020M Peringkat Akhir.

Johan qari yang memperoleh markah 90.38 peratus dan qariah, 92.5 peratus, masing-masing menerima piala pusingan, piala iringan, wang tunai BND2,000 dan sijil penyertaan.

Tempat kedua qari dan qariah, dimenangi oleh Awang Afiq Haririe bin Haji Awang Mat Daud, dan Dayang Najla Sabreena binti Haji Abdul Rajid, di mana masing-masing membawa pulang piala iringan, wang tunai BND1,500 dan sijil penyertaan.

Qari, Awang Haji Hazwan bin Haji Salim dan qariah, Dayangku Nurul Sakinah Adawiyah binti Pengiran Ainolazhar meraih tempat ketiga dan menerima piala iringan, wang tunai BND1,000 juga sijil penyertaan setiap seorang.

Manakala setiap peserta qari juga qariah lainnya turut menerima hadiah saguhati, iaitu piala iringan, wang tunai BND500 dan sijil penyertaan.





21. KEMPEN HARI BERTINDAK (DAY OF ACTION) SEMPENA SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2020

Ahad, 06 Disember 2020

- ⊕ Keterangan : Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya

Jabatan Belia dan Sukan telah mengadakan Kempen Hari Bertindak (*Day of Action*) sempena memperingati Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa bagi tahun 2020 yang diadakan serentak di keempat-empat daerah.

Hari Sukarelawan Antarabangsa merupakan mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mana ia diadakan pada setiap 5 Disember. Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa ini bertujuan untuk mengumpul penggiat aktiviti sukarela dan para sukarelawan di dalam sama-sama melaksanakan kerja-kerja sukarela disamping untuk menghargai jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh penggiat aktiviti sukarela dan sukarelawan. Antara lain objektif utama sambutan adalah untuk mengadakan maraton kerja sukarela di keempat-empat daerah dengan penglibatan daripada agensi kerajaan, swasta dan pergerakan-pergerakan bukan kerajaan.

Beberapa aktiviti telah pun bermula awal pada bulan November 2020 dan Kempen Hari Bertindak (*Day of Action*) ini akan terus diadakan sehingga bulan Februari 2021. Kesinambungan dari pelancaran buku Garis Panduan Sukarelawan dan dengan adanya Kempen Hari Bertindak (*Day of Action*) ini akan dapat menggalakkan masyarakat terutama golongan belia untuk mengungkayahkan aktiviti sukarelawan pada bila-bila masa sahaja dengan berpandukan kepada garis pandu yang betul.

- ⊕ Aktiviti 2020 : Sebanyak lebih 126 aktiviti telah disusun bagi Kempen Hari Bertindak (*Day of Action*) seluruh negara.

- ⊕ Penyertaan : Sebanyak lebih daripada 93 agensi-agensi dari pelbagai pihak telah terlibat di dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti sukarelawan dengan melibatkan lebih daripada 1000 orang sukarelawan turut serta dalam Kempen Hari Bertindak (*Day of Action*) yang berlangsung di keempat-empat daerah.

21(a). Daerah Temburong

- ⊕ Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- ⊕ Tempat : Majlis Pelancaran Kempen Hari Bertindak (*Day of Action*) telah diadakan di Kawasan Padang Jubli (Taman Mini Belalong) dan Kawasan Taman Perayaan, Daerah Temburong.



21(b). Daerah Belait

- ⊕ Hadir : Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) KKBS.
- ⊕ Tempat : Taman Rekreasi Tenaga Seria (SERP).



21(c). Daerah Tutong

- ⊕ Hadir : Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar) KKBS.
- ⊕ Tempat : Dataran Warisan, Kampong Keriam



21(d). Daerah Brunei dan Muara

- ⊕ Hadir : Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kemasyarakatan) KKBS.
- ⊕ Tempat : Kawasan Letak Kereta Bali Pitstop, Tungku Link.



22. WIRA FAJAR PROGRAM BELIA SEMBAHYANG FARDHU SUBUH BERJEMAAH DI MASJID BAGI TAHUN 1442H/2020M

Jumaat, 18 Disember 2020 (Masjid Kampong Batu Apoi, Temburong)

- ❖ Hadir : Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- ❖ Keterangan : Wira Fajar kali ini merupakan penganjuran kali keempat bagi tahun 2020 dan ianya diadakan di Daerah Temburong bagi memberi peluang belia di daerah berkenaan untuk menyertai Wira Fajar.
- ❖ Aturcara : Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah, diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk “Tahun Baru Dalam Perspektif Islam” oleh Yang Mulia Awang Hilman bin Haji Salim, Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dan diselajurkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dan Sembahyang Dhuha.

